



IDRIS JUSOH (kanan) bersama wakil pelajar selepas merasmikan Karnival Pengajian Tinggi Negara 2015 di Pusat Antarabangsa Konvensyen Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, semalam. Hadir sama, Daing Nasir Ibrahim (kiri).
- MINGGUAN/MAHATHIR ALI

MINGGUAN MALAYSIA 15 FEB 2015 DALAM NEGARI m/s 12

Malaysia ke-9 pilihan pelajar antarabangsa

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@utusan.com.my

■ **KUANTAN 14 FEB.**

MALAYSIA kini menjadi negara pilihan kesembilan bagi pelajar dari seluruh dunia melanjutkan pengajian mereka berikutan kualiti pendidikan dan kedudukan universiti yang bertambah baik.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, maklum balas itu diberikan oleh kira-kira 135,000 pelajar antarabangsa yang kini menuntut di negara ini.

"Kualiti pendidikan dan kedudukan universiti kita bertambah baik. Di peringkat fakulti terdapat 11 fakulti yang berada dalam kedudukan 100 terbaik di dunia. Dalam bidang Sains Persekitaran, Universiti Sains Malaysia (USM) di kedudukan 28 dunia, bidang Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) di tangga

54 manakala Kejuruteraan (Universiti Malaya) di kedudukan 83 dunia.

"Ini dimaksudkan dengan peningkatan berterusan pendidikan Malaysia yang perlu kita sedari, jangan kita berasa megah belajar ke luar negara sedangkan kita memiliki universiti terbaik di dunia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis Pelancaran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) Ke-11 bertemakan 'Jom Masuk IPT' di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas negeri, Datuk Norol Azali Sulaiman; Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail dan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam pada itu, Idris mengingat-

kan pelajar di negara ini supaya bijak membuat pilihan dengan tidak hanya tertumpu kepada pengajian yang 'populer' kerana terdapat banyak pilihan kerjaya, antaranya saintis data, sekuriti siber, jurutera minyak dan gas serta pengatur cara komputer.

"Umpamanya saintis data yang terlibat dalam bidang analisis data. Bidang ini sekarang sangat tinggi permintaannya di negara maju kerana melalui analisis data, ahli sains boleh merancang usaha yang perlu diambil dalam menangani isu seperti mobiliti penduduk, pertukaran cuaca dan ekonomi duwnia.

"Di Malaysia, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan bahawa kerajaan bercadang melantik seorang Ketua Saintis Data," katanya.

Jelasnya, menurut kajian, menjelang 2020, Malaysia dijangka memerlukan kira-kira 16,000 pakar dalam bidang sains data.